

KUALA LUMPUR, 28 JUN (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MENERIMA SECARA RASMI HARI INI JAWATAN PRESIDEN UMNO BERIKRAR AKAN MENCURAHKAN SEGALA TENAGA DAN FIKIRAN KEPADA UMNO SELAGI KHIDMAT BELIAU DIKEHENDAKI.

DALAM UCAPAN SULUNGNYA SEBAGAI PRESIDEN DI AKHIR PERHIMPUNAN AGUNG UMNO KE-32 PETANG INI, BELIAU MENGAJAK RAKAN-RAKANNYA DALAM MAJLIS TERTINGGI DAN KESELURUHAN PEMIMPIN DAN AHLI-AHLI UMNO SUPAYA MEMBERI SOKONGAN DAN BANTUAN KEPADANYA.

BAKAL PERDANA MENTERI ITU MENEGASKAN KHIDMATNYA SEORANG SAHAJA UNTUK MENGEKALKAN KEKUATAN UMNO DALAM KERAJAAN TIDAK MENCUKUPI TANPA SOKONGAN YANG TIDAK BERBELAH BAGI DARI MEREKA.

DALAM UCAPANNYA HAMPİR SEJAM ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA: +KEJAYAAN UMNO ADALAH KEJAYAAN KITA SEMUA, BUKAN KEJAYAAN SEORANG DARI KITA SAHAJA WALAUPUN HANYA SEORANG SAHAJA DARI KITA MENJADI PRESIDEN PARTI.+

BELIAU LALU MENGAJAK AHLI-AHLI UMNO MEMBAHARUI IKRAR TAAT SETIA KEPADA PARTI DAN SANGGUP BERKORBAN UNTUK PARTI, AGAMA, BANGSA DAN TANAH AIR. — BERSAMBUNG 1923/LK

#### MAHATHIR-IKRAR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERDOA SEMOGA UMNO DI BAWAH PIMPINAN BELIAU BERJALAN DENGAN SEMPURNA SEPERTI JUGA YANG DINIKMATI DI BAWAH KEPIMPINAN DATUK ONN JAFFAR, TUNKU ABDUL RAHMAN, ALLAHYARAHAM TUN ABDUL RAZAK DAN DATUK HUSSEIN ONN.

+MUDAH-MUDAHAN SAYA AKAN DAPAT MENYERAHKAN UMNO KEPADA PEMIMPIN YANG AKAN DATANG DALAM KEADAAN KUKUH DAN BERPADU SEPERTI YANG TELAH SAYA TERIMA,+ KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN MALAYSIA DAN ORANG-ORANG MELAYU MEMPUNYAI MASA DEPAN YANG BETUL-BETUL BERPOTENSI TETAPI UNTUK MENDAPATKAN HASIL SEPENUHNYA DARI POTENSI ITU, SEBUAH KERAJAAN YANG ADIL, KUAT DAN STABIL ADALAH DIPERLUKAN.

+UMNO MEMANG TELAH MENDIRIKAN KERAJAAN YANG ADIL DAN KUAT SERTA STABIL SEHINGGA INI DAN BERHARAP REKOD UMNO INI DAPAT DIKEKALKAN SETELAH SAYA DIPILIH MENJADI PEMIMPINNYA,+ KATANYA.

BELIAU MENINGATKAN AHLI-AHLI UMNO BAHAWA PERJUANGAN PARTI ITU TIDAK AKAN BERAKHIR KERANA SELAGI ADA UMNO, SELAMA ITULAH TUGAS YANG HENDAK DILAKSANAKAN UNTUK MEMPERBAIKI KEDUDUKAN ORANG MELAYU DAN KAUM BUMIPUTERA, AGAMA DAN TANAH AIR AKAN BERTERUSAN.  
— BERSAMBUNG 1934/LK

MAHATHIR - IKRAR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO YANG LALU TELAH MELETAKKAN ASAS YANG KUKUH DALAM MEMPERJUANGKAN CITA-CITA DAN MATALAMAT PARTI DAN SEPAPUH DARI MATALAMAT ITU TELAH PUN DICAPAI.

BELIAU YAKIN SESUDAH PEMILIHAN JAWATAN-JAWATAN YANG BARU SAHAJA SELESAI, UMNO AKAN SEKALI LAGI MERAPATKAN BARISAN DAN TETAP BERSATU.

DATUK SRI DR. MAHATHIR MENINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO BAHAWA SOAL DARI WILAYAH MANA SESEORANG PEMIMPIN ITU DATANG TIDAK TIMBUL KERANA YANG DIPILIH JALAH PEMIMPIN-PEMIMPIN NASIONAL.

MEREKA YANG BERTANDING UNTUK SEMUA JAWATAN ADALAH ORANG-ORANG YANG BERJIWA UMNO DAN TIDAK ADA YANG KURANG UMNO DARI YANG LAIN.

BELIAU MENSIFATKAN PERTANDINGAN BUKAN UNTUK MEREKUT JAWATAN DALAM UMNO TETAPI CUMA BERTANDING UNTUK MENDAPAT PELUANG BERKHIDMAT DALAM PARTI MELALUI JAWATAN-JAWATAN YANG MEREKA SANDANG.

+TIDAK ADA BENCI ATAU IRIHATI DI DALAM PERTANDINGAN UNTUK MENGABDIKAN DIRI KEPADA PARTI, NAFSU TIDAK HARUS MEMPUSYAI TEMPAT.

+MEREKA YANG BERTANDING KALAH ATAU MENANG, TETAP AKAN MERAPATKAN SEMULA BARISAN KEPIMPINAN DAN AKAN MEMBERI KHIDMAT YANG SEPENUH-NYA+, KATANYA. — BERSAMBUNG 1944/MK

MAHATHIR-IKRAR 4 KUALA LUMPUR

BELIAU MENYARANKAN TIDAK ADA TEMPAT DALAM PERTANDINGAN ITU UNTUK TERLALU GEMBIRA KERANA MENANG ATAU PERASAAN MURAM DAN KECEWA KERANA KALAH.

PEMIMPIN UMNO ITU MENINGATKAN SEMUA PENYOKONG CALON-CALON HENDAKLAH MELUPAKAN SAHAJA SEGALA TUDUHAN DAN KATA-KATA PEDIH YANG DIKELUARKAN DAN DIDENGARI SEMASA KEMPEN BERJALAN.

MENURUTNYA, SEBAGAI SEBUAH PARTI YANG DEMOKRATIK DAN MENERIMA KONSEP DEMOKRASI, AHLI-AHLI UMNO HENDAKLAH MENERIMA SEMUA KEPUTUSAN DENGAN SEMANGAT DEMOKRASI.

+TIDAK ADA ORANG YANG MENANG DAN TIDAK ADA ORANG YANG KALAH DALAM PERTANDINGAN DALAM UMNO. PENERIMAAN KEPUTUSAN PROSES DEMOKRASI ADALAH KEMENANGAN BAGI UMNO.

+SEBALIKNYA PENOLAKAN KEPUTUSAN YANG TELAH KITA BUAT ADALAH SATU KEGAGALAN BAGI UMNO. APAKAH KITA MAHU UMNO KALAH JIKA KITA BETUL-BETUL BERJIWA UMNO?+, TANYA BELIAU. — BERNAMA 1955/LK